

01/08/1999

Pembangkok bukan ancaman

TIADA yang menarik pada pilihan raya kali ini seperti yang diramalkan oleh banyak pihak yang menjangka kononnya pembangkang mempunyai kelebihan dan Barisan Nasional (BN) makin tergugat.

Selain itu, adalah satu kesilapan jika ada yang menganggap Pas dan Keadilan sebagai ancaman di Kedah. Bukan ancaman pembangkang, sebaliknya campur tangan kuasa asing di negara ini yang membezakan pilihan raya kali ini berbanding pilihan raya lalu.

Pilihan raya ini juga adalah ujian terhadap ketahanan parti komponen BN terhadap cubaan campur tangan asing. Malah BN Kedah yakin akan mencapai kejayaan 100 peratus.

Semua 36 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 15 kerusi Parlimen akan dimenangi BN, termasuk Bukit Raya, kubu tradisional Pas yang dipegang oleh Datuk Fadzil Noor.

DUN Sala yang diduduki Azizan Razak juga bakal menjadi milik BN, sekali gus menjadikan cita-cita Pas merampas Kedah tinggal sebagai impian yang tidak kesampaian.

Ia adalah pandangan Setiausaha Perhubungan Umno Kedah, Rozai Sopian yang kelihatan yakin dan menafikan sepenuhnya ancaman pembangkang, khususnya Pas.

"Ini bukan keyakinan yang keterlaluan, tetapi realiti berdasarkan keadaan semasa yang memihak kepada Umno dan BN. Di Kedah sebenarnya tidak ada isu.

"Ketika pentadbiran sebelum ini, isu utama ialah isu tanah dan ia kini telah diselesaikan dengan semua peneroka tanah kerajaan diberikan hak milik," katanya.

Mengenai Bukit Raya yang dianggap kubu kuat Pas, Rozai berkata, Umno mempunyai senjata sulit untuk merampasnya daripada Presiden Pas yang menang majoriti 2,416 undi, manakala kemenangan tipis Azizan sebanyak 205 undi di Sala mudah ditebus kali ini.

Bagaimanapun, banyak berpendapat Pas mampu menggugat pada kali ini berdasarkan peningkatan sokongan dan kemenangan majoriti kecil calon BN pada pilihan raya 1995, khususnya yang kurang daripada 2,000 undi.

Antara kawasan yang dikatakan mampu digugat ialah Kuala Nerang (17 undi majoriti), Kupang (393), Belantek (428), Langgar (432), Anak Bukit (568), Pedu (1,047), Jeneri (1,061), Ayer Hitam (1,717), Pengkalan Kundor (1,485) dan Bukit Lada (1,988).

Justeru, pembangkang, khususnya penyokong Pas mendakwa 10 kawasan majoriti pengundi Melayu berkenaan mampu dirampas dan apabila ditambah dua kerusi yang dimenangi pada 1995, pembangkang hanya memerlukan sekurang-kurangnya tujuh lagi kerusi untuk membentuk kerajaan.

Setiausaha Perhubungan Keadilan Kedah, Abdul Rahman Ahmad mendakwa, di sinilah fungsi partinya bagi memastikan kemenangan pembangkang.

Katanya, berdasarkan sambutan di kalangan kakitangan kerajaan, ahli Umno serta mereka yang berada atas pagar, peluang bagi Pas, Keadilan serta DAP, menggugat BN lebih cerah.

"Kawasan bandar yang majoriti pengundi Melayu hanya sekitar 60 peratus adalah tumpuan kami untuk memenangkannya," katanya.

Selain itu, kawasan Parlimen tetap menjadi tumpuan pembangkang kali ini walaupun majoritinya melebihi 2,000.

Di Kubang Pasu, tokoh Keadilan, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail atau suaminya Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka menjadi pilihan pakatan

pembangking bagi mengancam kedudukan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengarang novel Shit Prof Datuk Shahnnon Ahmad atau Ahli Jawatankuasa Kerja Pas Pusat, Datuk Ismail Kamus pula disebut-sebut sebagai calon di Sik menentang Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman.

Fadzil dijangka mempertahankan DUN Bukit Raya walaupun ada yang menyatakan beliau mungkin berpindah ke kawasan lain bagi menambah peluang pembangkang memiliki lebih kerusi kerana Bukit Raya adalah kawasan selamat.

Bekas calon Parti Bersatu Sabah (PBS) bagi DUN Derga pada pilihan raya 1995, A Jayagopal, berkata Pas mempunyai kelebihan pada kali ini dan dengan gabungan barisan pembangkang, mampu memenangi sekurang-kurangnya 20 kerusi daripada 36 kerusi DUN Kedah.

Bagi Jayagopal, isu keadilan, ekonomi, sistem kehakiman dan kegagalan Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid mentadbir negeri sudah cukup untuk menukar sokongan rakyat.

Bagaimanapun, penyokong kerajaan, Abdilllah Yusof ketika diminta memberikan pandangan, berkata, walaupun pembangkang kelihatan mula mendapat tempat di hati rakyat, Umno sebagai tunjang BN masih tetap menjadi pilihan.

Menurutnya, ini kerana orang ramai mahu memastikan kesinambungan pemerintahan yang sudah terbukti berjaya membangunkan rakyat dan negara.

"Kemampuan pembangkang jangan diperkecilkan kerana pengundi berusia kurang 40 tahun mungkin memilih pembangkang," katanya.

Ismail Halim pula berkata, sokongan terhadap Umno dan BN masih kukuh walaupun ceramah parti pembangkang mendapat sambutan ramai.

"Kehadiran mereka hanya untuk mendengar isu semasa, tetapi apabila mengundi, kedudukan ekonomi, masa depan rakyat dan negara tetap menjadi pilihan untuk mengekalkan BN," katanya.

Ketua Pemuda Pas Pusat, Mahfuz Omar, walaupun enggan membuat ramalan mengenai peluang pembangkang, khususnya Pas, yakin perubahan akan berlaku pada kali ini.

(END)